

## **HADIS SEBAGAI SUMBER RUJUKAN DAN AMBILAN HUKUM BAGI JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS: KEDUDUKAN DAN APLIKASI**

**HADIS AS A SOURCE OF REFERENCE AND HUKM FOR  
STATE FATWA COMMITTEE OF PERLIS: STATUS AND APPLICATION**

**Muhammad Adam Abd. Azid**

Academy of Islamic Studies, University of Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
E-mail: adamsaifulislam@gmail.com

**Khadher Ahmad**

Academy of Islamic Studies, University of Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
E-Mail: khadher82@um.edu.my

**Mohd Farhan Md Ariffin**

Academy of Islamic Studies, University of Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
E-Mail: al.muqarrobuun@gmail.com

**Mohd Akram Dahaman @ Dahlan**

School of Languages, Civilisation & Philosophy,  
UUM College of Arts and Sciences,  
Universiti Utara Malaysia,  
06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia  
E-Mail: akram@uum.edu.my

### **ABSTRAK**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis merupakan salah satu daripada institusi-institusi fatwa di Malaysia. Ia berperanan bagi memutuskan fatwa berkaitan hal ehwal Islam di negeri Perlis yang belum ada ketentuan hukumnya. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam aspek sumber rujukan dan ambilan hukum fatwa bagi mereka. Hal ini kerana, al-Quran dan hadis dijadikan asas utama dalam berfatwa berbanding pendekatan mazhab yang diamalkan oleh institusi-institusi fatwa yang lain di Malaysia. Asas ini berdasarkan peruntukan daripada Seksyen 54 ceraian 1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam

(Negeri Perlis) 2006 yang menetapkan al-Quran dan hadis sebagai rujukan utama dalam berfatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Begitu juga fatwa yang bertajuk “*Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah Wa al-jama'ah*” yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis turut menyenaraikan hadis sebagai sumber rujukan dan ambilan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Namun, di dalam enakmen dan fatwa di atas, tidak dijelaskan secara terperinci apa yang dimaksudkan hadis tersebut serta bagaimana hadis tersebut perlu dipraktikkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti tafsiran kepada maksud hadis *sahīh*, *mursal* dan *da'iif* menurut perspektif dan amalan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis serta merungkaikan pendekatan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengaplikasikan hadis dalam berfatwa. Kajian ini menggunakan metode kualitatif berdasarkan kajian perpustakaan dan temu bual. Hasil kajian mendapati, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis menerima pakai tiga kategori hadis sebagai sumber rujukan ambilan hukum iaitu hadis *sahīh* (termasuk *hāṣan*), *mursal* dan *da'iif* (ringan). Bagi pendekatan mengaplikasikan hadis dalam berfatwa pula, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengutamakan zahir teks terlebih dahulu sebelum berpindah kepada kaedah-kaedah memahami hadis yang lain.

**Kata Kunci:** Hadis; Sumber Rujukan; Sumber Ambilan Hukum; Fatwa

## ABSTRACT

State Fatwa Committee of Perlis is one of *fatwa* (formal ruling) institutions in Malaysia. The committee is responsible in issuing any *fatwa* relating to Islamic affairs in Perlis. State Fatwa Committee of Perlis has its own speciality in terms of reference and source in issuing any *fatwa*. The Quran and hadith are made as the foundational sources in issuing *fatwa* compared to *madhhabi* approach practiced by another *fatwa* institution in Malaysia. This is based on the provision under Section 54 (1) of Perlis Islamic Administration Enactment 2006, which stated that the Quran and Hadis as the main sources in issuing fatwa by State Fatwa Committee of Perlis. A similar *fatwa* entitled “*Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah Wa al-jama'ah*” (Issuance Fatwa related to Ahli Sunnah Wal Jamaah)” issued by State Fatwa Committee of Perlis also recognized hadith as the main reference and source to Perlis Fatwa Department. However, there is no detail explanation in the enactment as well as the above *fatwa* about the meaning of hadith and its application by State Fatwa Committee of Perlis. This study has been carried out in order to observe the interpretation of the *sahīh*, *mursal* and *da'iif* hadith based on the State Fatwa Committee of Perlis’s perspective and practice. This study also highlights the method used by the State Fatwa Committee of Perlis in applying the hadith in issuance of a *fatwa*. In collecting data, this qualitative study employs the method of literature review and interview. To summarize the study, three types of hadith namely *sahīh* (including *hasan*), *mursal* and *da'iif* were applied by State Fatwa Committee of Perlis. While the application of a hadith in the *fatwa* issuance process, the committee try to apply literal meaning of hadith ahead of other methods of interpretation.

**Keywords:** Hadis; Sources of Reference; Source of Hukm; Fatwa

## 1. PENDAHULUAN

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis adalah Jawatankuasa teknikal yang bersidang bagi menyelidik, berbincang, menghalusi serta mengistinbatkan dalil-dalil dari sumber-sumber perundangan syarak bagi memutuskan fatwa berkaitan hal ehwal Islam di negeri Perlis yang belum ada ketentuan hukumnya.<sup>1</sup> Ia ditubuhkan bertujuan untuk membantu Mufti dalam proses pengeluaran fatwa. Jawatankuasa Fatwa mempunyai kuasa untuk menetapkan atau memberikan pandangan hukum atau fatwa sama ada atas perintah Ketua Agama Negeri, inisiatif sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang Islam.<sup>2</sup> Bidang kuasa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis adalah luas serta meliputi semua perkara berkaitan masyarakat Islam di Perlis sama ada berkaitan aspek akidah, muamalah, ibadah dan sebagainya.<sup>3</sup>

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (sebelum ini dikenali dengan Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis) ditubuhkan pada tahun 1941. Ia adalah rentetan daripada kewujudan jawatan mufti bagi negeri Perlis. Jawatan tersebut disandang oleh Syeikh Mahmood Hj Mohd Saman. Peruntukan undang-undang berkaitan bidang kuasa fatwa masih belum wujud ketika itu kerana undang-undang rasmi negeri Perlis masih belum diwujudkan.<sup>4</sup>

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mula ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1964. Pada mulanya ia dinamakan dengan Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP). Jawatankuasa ini ditubuhkan berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis (1964). Pada seksyen lapan (8) ceraian (1) undang-undang tersebut menyatakan jawatankuasa, fungsi dan keahlian. Antara fungsi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis adalah sebagai penasihat kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dalam perkara berkaitan fatwa.<sup>5</sup>

Kemudian, nama Jawatankuasa ini mula ditukarkan daripada Jawatankuasa Syar'iyyah Negeri Perlis (JSNP) kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP) pada tahun 2006 melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 yang menyebutkan:

<sup>1</sup> Abdul Hamid Yunus (1999), "Pelaksanaan Ijtihad di Malaysia", *Jurnal Penyelidikan Islam* 12, h. 28.

<sup>2</sup> Ghazali Abdul Rahman (2012), "Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan", makalah, Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, h. 3.

<sup>3</sup> Abdul Monir Yaacob (2000), "Maqāṣid al-Shari'ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum", dalam *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed.), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 185.

<sup>4</sup> Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2005), "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000", Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pegajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 63.

<sup>5</sup> Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964, h. 6.

“Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa”<sup>6</sup>

Sejak ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1964 sehingga kini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berjalan seiring dengan peranan Mufti Kerajaan sebagai penasihat DYMM Raja Pemerintah sepetimana yang wujud di dalam seksyen 45 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 dan peranan Jawatankuasa sebagai penasihat kepada MAIPs sepetimana yang wujud di dalam enakmen lama seksyen 8/1 Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964. Peranan itu ialah bagi memastikan segala permasalahan yang timbul dan perlu kepada fatwa dapat diselesaikan dengan baik mengikut metode yang disepakati dengan mengambil kira perubahan keadaan semasa dan setempat.<sup>7</sup>

## 2. PENDEKATAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS DALAM BERFATWA

Secara umumnya, terdapat dua bentuk pendekatan dalam berfatwa di Malaysia. Pendekatan yang pertama adalah pendekatan *madhhabi* yang secara dasarnya terikat dengan sesuatu mazhab tertentu iaitu mazhab al-Shāfi‘ī. Pendekatan ini diamalkan oleh kebanyakan negeri-negeri di Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing.

Manakala pendekatan kedua adalah pendekatan yang tidak terikat dengan mazhab tertentu sebaliknya kembali merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Satu-satunya negeri di Malaysia yang mengamalkan pendekatan ini adalah Negeri Perlis.

Pada peringkat awal, penetapan fatwa di negeri Perlis adalah sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu iaitu berdasarkan mazhab al-Shāfi‘ī. Namun begitu, bermula sekitar tahun 1920, pendekatan tersebut telah berubah kepada pendekatan yang bebas daripada keterikatan terhadap mazhab-mazhab tertentu iaitu dengan kembali merujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Senario ini berlaku disebabkan tokoh-tokoh aliran Sunnah ini memegang jawatan-jawatan utama dalam pentadbiran negeri Perlis seperti Wan Ahmad Wan Daud yang menjadi Speaker Dewan Undangan pertama Perlis dan Syeikh Ahmad bin Hasyim yang menjadi Menteri Besar Pertama Perlis.<sup>8</sup>

Sebagaimana negeri-negeri lain di Malaysia, agama Islam yang diamalkan di Perlis adalah mengikut aliran *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Hal ini sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) Bahagian 2: Agama Negeri, Perkara 5, Ayat 1:

<sup>6</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Bil. 4/2006).

<sup>7</sup> Mohd Akram Dahaman dan Solahuddin Abdul Hamid (2014), “Praktis Metodologi Penetapan Fatwa oleh Jawatankuasa Syar‘iyyah Negeri Perlis (JSNP): Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000”, prosiding, International Conference of the Social Sciences Research, Kota Kinabalu, Sabah, h. 875.

<sup>8</sup> Mohd Akram Dahaman@Dahlan (2014), Solahuddin Abdul Hamid dan Noor Naemah Abdul Rahman, “Sejarah Penginstitusian Fatwa di Negeri Perlis: Pentadbiran dan Metodologi Penetapan”, prosiding, 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014), Alor Setar, Kedah, h. 1006.

*“Agama bagi Negeri ialah agama Islam Ahli Sunnah Waljama‘ah seperti yang diamalkan di dalam negeri”<sup>9</sup>*

Manakala Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 pada Seksyen 54 ceraian 1 pula menyatakan:

*“Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut AI-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahu alaihi Wassalam.”<sup>10</sup>*

Kedua-dua peruntukan undang-undang di atas menjadi asas kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam berfatwa. Dari pada dua peruntukan undang-undang ini menunjukkan perbezaan yang ada pada negeri Perlis iaitu pada aspek sumber ambilan hukum. Jelasnya, Negeri Perlis tidak menggunakan pendekatan mazhab berbanding dengan negeri-negeri lain yang banyak menggunakan pendekatan mazhab terutamanya mazhab al-Shāfi‘ī.<sup>11</sup>

Al-Quran dan Sunnah dijadikan asas oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sebagai sumber ambilan dan rujukan dalam fatwa-fatwa mereka. Ini tidak bermakna Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pandangan-pandangan daripada ulama. Pandangan ulama juga akan dirujuk oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengikut keperluan.<sup>12</sup> Bahkan, hal ini ditegaskan oleh mufti Perlis iaitu Sahibus Samahah Prof. Madya Dato’ Arif Perkasa Dr Mohd Asri Bin Zainul Abidin, bahawa setiap fatwa negeri Perlis adalah merujuk pandangan imam terdahulu.<sup>13</sup>

Enakmen-enakmen di atas memberikan kelonggaran dan keringanan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis untuk melihat pandangan-pandangan daripada ulama-ulama mazhab al-Shāfi‘ī serta selain daripada mazhab al-Shāfi‘ī. Maka, pandangan yang dipilih adalah pandangan yang paling kuat berdasarkan penilaian Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.<sup>14</sup>

Akan tetapi, penjelasan secara terperinci berkaitan dasar-dasar yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Fatwa dalam memutuskan fatwa tidak dinyatakan dalam peruntukan undang-undang ini.

Justeru, bagi menjelaskan maksud daripada perkataan Ahli Sunnah Waljama‘ah yang terdapat dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat

<sup>9</sup> Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis 1959 (pindaan 1974), h. 4.

<sup>10</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006

<sup>11</sup> Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2005), *op.cit.*, h. 78.

<sup>12</sup> Johari Mat (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2017-2018) (2018), dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2018.

<sup>13</sup> Mohd Asri Bin Zainul Abidin (2018), “Ucapan Penutup Penerangan Fatwa Negeri Perlis”, laman sesawang *Youtube PROmediaTAJIDID*, dicapai 6 November 2018, [https://www.youtube.com/watch?v=APh5jSU\\_rO4&t=635s](https://www.youtube.com/watch?v=APh5jSU_rO4&t=635s)

<sup>14</sup> Muhamad Rozaimi Ramle (2018), “Penerangan Fatwa fatwa Perlis Berkaitan Akidah, Ibadah dan Kemasyarakatan”, laman sesawang *Youtube Suara Sunnah*, dicapai 6 November 2018, <https://www.youtube.com/watch?v=uAN8w9rkHrg>

Melayu Perlis (MAIPs) telah memutuskan satu fatwa yang khusus bagi menjelaskan maksud daripada pernyataan tersebut.

Di dalam fatwa tersebut telah dijelaskan bahawa Ahli Sunnah Waljama'ah yang dimaksudkan adalah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para sahabat yang sepakat di atas kebenaran yang nyata dari Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW.<sup>15</sup>

Di dalam fatwa tersebut juga telah disenaraikan sumber ambilan dan rujukan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, sumber-sumber tersebut mengikut keutamaan adalah *Al-Qurān al-Karīm*, *Hadīth Ṣaḥīḥ*, *Ijmā'* Sahabat, Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, Hadith *Mursal* dan *Da'īf*, *Qiyās* ketika darurat, *Maṣāliḥ al-Mursalah*, *Sad al-Dharā'i*, *Istihsān* dan *Istiḥshāb*, *'Urf* dan *Al-Qawā'id Fiqhiyyah*<sup>16</sup>

### **3. KEDUDUKAN HADITH DALAM SUMBER RUJUKAN HUKUM JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS**

Negeri Perlis merupakan satu-satunya negeri yang meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai asas kepada penetapan fatwa. Penetapan tersebut telah dinyatakan secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 pada Seksyen 54 ceraian 1.<sup>17</sup> Justeru, tidak disangkal lagi bahawa, hadis sememangnya mempunyai kedudukan yang istimewa serta diberikan keutamaan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sebagai sumber rujukan hukum bersama dengan al-Quran bagi fatwa-fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

Jika dirujuk kepada senarai sumber rujukan dan ambilan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, terdapat dua kategori hadis yang diterima pakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sebagai sumber ambilan dan rujukan hukum mereka iaitu:<sup>18</sup>

- i. Hadis *ṣaḥīḥ*
- ii. Hadis *mursal* dan *da'īf*

Keputusan fatwa tersebut hanya menyenaraikan sumber rujukan dan ambilan hukum dalam berfatwa bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sahaja, tidak terdapat penjelasan secara terperinci berkaitan sumber rujukan dan ambilan hukum tersebut. Justeru, kajian perlu dilakukan bgi merungkaikan tafsiran kepada hadis *ṣaḥīḥ*, juga *hadis mursal* dan *da'īf* yang terdapat dalam fatwa tersebut menurut perspektif Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

<sup>15</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (t.t), "Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah Waljama'ah", fatwa, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs, Kangar), h. 1.

<sup>16</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>17</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006

<sup>18</sup> Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (t.t), *op.cit.*, h. 4.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, berikut adalah tafsiran kepada hadis *sahīh*, *mursal* serta *da'if* menurut perspektif dan amalan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis:

i. *Hadīth Sahīh*

Hadis ditakrifkan sebagai setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang merangkumi aspek perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat baginda SAW.<sup>19</sup> Manakala, hadis yang paling berautoriti untuk dijadikan hujjah dalam hukum syarak adalah hadis *sahīh*.

Hadis *sahīh* adalah hadis yang memenuhi 5 syarat yang telah ditetapkan iaitu hadis yang bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh perawi yang ‘ādil dan ḥabīb (tepat hafalannya) serta hadis tersebut terpelihara daripada berlaku *shādh* (kesilapan) dan ‘illah (kecacatan) pada sanad dan matannya.<sup>20</sup> Jikalau terdapat kekurangan pada salah satu daripada syarat tersebut, maka hadis itu tidak akan dikira *sahīh*.<sup>21</sup>

Menurut Maḥmūd Ṭahān, kewajipan beramal dengan hadis *sahīh* telah disepakati oleh *muḥaddithīn* termasuk juga para ulama usul fiqh dan fiqh secara keseluruhannya. Menurut mereka, hadis *sahīh* adalah salah satu daripada hujjah syarak serta tidak boleh bagi sesiapa menolak untuk beramal dengannya.<sup>22</sup>

Perspektif Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, hadis *sahīh* mempunyai dua peranan iaitu sebagai sumber rujukan hukum kedua bagi permasalahan yang tidak dijelaskan di dalam al-Quran dan sebagai penerang kepada kenyataan umum yang terdapat di dalam al-Quran.<sup>23</sup>

Tambahan pula, hadis *hasan* juga diterima pakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis walaupun tidak disebutkan secara khusus kerana menurut Ahmad bin Jusoh, hadis *sahīh* yang dimaksudkan adalah hadis-hadis yang boleh digunakan sebagai hujjah sama ada *sahīh* atau *hasan*, bukannya hadis yang boleh diguna pakai dan benar hanya hadis *sahīh* sahaja.<sup>24</sup>

ii. Hadis *Mursal* dan *Da'if*

<sup>19</sup> Muḥammad Jamāl al-Dīn Ibn Muḥmmad Sa'īd al-Qāsimī (t.t), *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Hadīth*, j.1. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 61.

<sup>20</sup> Ibn al-Šolāh; Uthmān Ibn 'Abd al-Rahmān (2002), *Ma'rīfah Anwā' 'Ulūm al-Hadīth*, 'Abd al-Laṭīf al-Hamīm dan Māhir Yāsīn al-Fahl (ed.), Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 79.

<sup>21</sup> Ibn Hajar al-'Asqalānī; Ahmad Ibn 'Alī (1997), *Nukhbah al-Fikar fi Muṣṭalah Ahl al-Athār*, 'Iṣām al-Šabābiṭ dan 'Ammād al-Sayyid (ed.), al-Qāherah: Dār al-Hadīth, 82.

<sup>22</sup> Maḥmūd Ibn Aḥmad Ibn Maḥmūd Ṭoħān (2004), *Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth*, al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 46.

<sup>23</sup> Mohd Akram Dahaman @ Dahlān (2005), *op.cit.*, 103.

<sup>24</sup> *Ibid*, h. 103-104.

Hadis *da'iif* adalah hadis yang tidak terkumpul padanya ciri-ciri hadis *sahih* atau hadis *hasan*.<sup>25</sup> Hadis *da'iif* mempunyai beberapa tingkatan iaitu *da'iif ringan*, *da'iif berat* dan juga hadis palsu.<sup>26</sup>

Manakala, hadis *mursal* pula adalah hadis yang diriwayatkan oleh *tabi'in* secara terus daripada Rasulullah SAW.<sup>27</sup> Hadis *mursal* termasuk dalam kategori hadis *da'iif* disisi majoriti *muhaddithin*, al-Shāfi'i dan kebanyakannya daripada ulama fiqh dan usul fiqh.<sup>28</sup>

Akan tetapi, terdapat perbezaan antara *muhaddithin* dan ulama-ulama yang lain berbeza pendapat berkaitan penerimaan dan penghujahan hadis *mursal* sama ada menolak atau menerima secara mutlak atau menerima dengan bersyarat. Secara umumnya, hadis *mursal* diterima dan dijadikan hujjah secara mutlak oleh Imām Abū Ḥanīfah, Imām Mālik dan Imām Aḥmad serta diterima dan dijadikan hujjah dengan bersyarat oleh Imām al-Shāfi'i dan sebahagian ulama yang lain.<sup>29</sup>

Penerimaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis terhadap hadis *da'iif* dan hadis *mursal* apabila tiada penyelesaian daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'* sahabat dan fatwa sahabat menunjukkan mereka tetap berusaha untuk tidak menggunakan pendekatan akal dalam berfatwa. Manakala, hadis *da'iif* yang dimaksudkan bukannya hadis *da'iif* yang berada dalam kategori mungkar dan batil serta tohmahan yang telah disepakati penolakannya sebagai hujjah.<sup>30</sup>

Sementara itu, hadis *mursal* dan *da'iif* diletakkan pada tingkatan kelima dalam senarai sumber ambilan dan rujukan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Bahkan lebih didahulukan daripada *qiyās*. Hadis *da'iif* yang dimaksudkan adalah *da'iif ringan* yang tidak disepakati penolakannya sahaja diterima pakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

Penerimaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis terhadap hadis *mursal* dan *da'iif* membuktikan bahawa:

- i. Wujudnya pengaruh metodologi Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal dalam sumber ambilan dan rujukan hukum Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.
- ii. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berusaha untuk tetap konsisten merujuk al-Quran dan Sunnah berbanding menggunakan pendekatan akal dalam memutuskan fatwa.

#### 4. PENDEKATAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS MENGAPLIKASIKAN HADITH DALAM BERFATWA

<sup>25</sup> Al-Nawāwī; Yaḥyā Ibn Sharf (1985), *al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma'rīfah Sunan al-Bashīr al-Nadhīr fī Uṣūl al-Hadīth*, Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht (ed.), Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 31.

<sup>26</sup> Maḥmūd Ibn Ahmad Ibn Maḥmūd Ṭohān (2004), *op. cit.*, 78.

<sup>27</sup> Al-Suyūtī; ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abū Bakr (t.t), *Tadrib al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, j.1. Abū Qutaybah Nazr Muḥammad al-Fāriyābī (ed.), al-Riyād: Dār al-Taybah, h. 220.

<sup>28</sup> Al-Nawāwī; Yaḥyā Ibn Sharf (1985), *op. cit.*, h. 35.

<sup>29</sup> Maḥmūd Ibn Ahmad Ibn Maḥmūd Ṭohān (2004), *op. cit.*, h. 89.

<sup>30</sup> Mohd Akram Dahaman @ Dahlān (2005), *op. cit.*, h. 106.

Pada perbahasan di atas, telah dijelaskan tentang keistimewaan dan keutamaan hadis dalam sumber rujukan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Maka, perbahasan ini bertujuan untuk merungkaikan pendekatan atau kaedah Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam mengaplikasikan hadis dalam fatwa-fatwa mereka.

Secara umumnya, tidak terdapat peruntukan atau sumber yang khusus yang menjelaskan tentang kaedah Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengaplikasikan hadis dalam menentukan fatwa. Akan tetapi, kaedah-kaedah tersebut dapat dirungkaikan hasil daripada penelitian terhadap kertas-kertas kerja fatwa dan temu bual bersama ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

Kaedah Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengaplikasikan hadis dalam menentukan hukum terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Kaedah berhujjah dengan hadis
- ii. Kaedah memahami makna hadis

Bagi kaedah berhujjah dengan hadis, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengutamakan hadis *sahīh* dan *hasan* sebagai hujjah bagi fatwa-fatwa mereka. Akan tetapi, jika tidak terdapat sumber dalil daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'* sahabat dan fatwa sahabat, maka mereka akan berhujjah dengan hadis *mursal* dan hadis *da'iif*.

Selain itu, dalam setiap kertas kerja fatwa mereka, jika terdapat hadis berkaitan permasalahan yang dibincangkan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pasti akan menyebutkan terlebih dahulu hadis-hadis yang berkaitan dengan permasalahan tersebut sebelum membincangkan perkara lain. Justeru, hadis dijadikan asas utama dalam perbincangan kertas kerja fatwa tersebut.

Manakala, bagi memahami hadis pula, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis membahagikan makna hadis kepada dua iaitu makna zahir atau teks hadis dan memahami berdasarkan konteks hadis. Justeru, dalam mentafsirkan makna hadis, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis akan berusaha untuk beramal dengan makna zahir hadis terlebih dahulu.<sup>31</sup>

Akan tetapi, jika tidak dapat beramal dengan makna zahir hadis, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis akan berpindah kepada pendekatan kedua iaitu dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah memahami hadis sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama. Dalam memilih pemahaman terhadap makna hadis tersebut, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis akan meneliti tafsiran yang paling dekat dengan roh al-Quran dan Sunnah untuk dipilih dan diterima pakai sebagai hujjah dalam fatwa-fatwa mereka.<sup>32</sup>

Antara kaedah memahami makna hadis yang diaplikasikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis adalah memahami hadis berdasarkan ilmu *maqāṣid al-shari‘ah*. Kaedah ini

<sup>31</sup> Johari Mat (Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2017-2018), (2018), dalam temu bual dengan penulis, 7 Oktober 2018.

<sup>32</sup> *Ibid*,

diaplikasikan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam beberapa fatwanya. Contohnya adalah berkaitan fatwa “Hukum Isteri Meninggalkan Rumah Suami Disebabkan Ancaman”.

Di dalam fatwa tersebut, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis menyebutkan bahawa pada asalnya, isteri dilarang keluar daripada rumah suaminya (*bayt al-zawjiyyah*) iaitu rumah yang disediakan oleh suami kecuali dengan izin suami. Akan tetapi, jika sekiranya mempunyai anggapan yang kuat bahawa agama, diri, kehormatan, keluarga atau hartanya berada dalam keadaan bahaya yang diiktiraf oleh syarak, tidak mempunyai jalan keluar dan tidak mampu ditanggung jika terus berada di rumah suami, maka isteri diharuskan untuk keluar sekalipun tanpa keizinan daripada suami.<sup>33</sup>

Dalil larangan untuk isteri keluar dari rumah suami tanpa keizinan suami adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «إِذَا اسْتَأْذَنْتُكُمْ نِسَاءً كُمْ بِاللَّيْلِ إِلَى الْمَسْجِدِ، فَادْعُوْا لَهُنَّ»

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn Umar, Nabi SAW bersabda: “Apabila isteri-isteri kamu meminta keizinan kamu untuk ke masjid pada waktu malam, maka izinkanlah mereka”.<sup>34</sup>

Hadis ini menunjukkan wanita hendaklah meminta izin keluar rumah sekalipun ke masjid.<sup>35</sup> Manakala, Ibn Ḥajar apabila mensyarahkan hadis ini menyebutkan bahawa hadis ini menjadi dalil wanita tidak boleh keluar dari rumah suaminya kecuali dengan izin suami.<sup>36</sup>

Justeru, isteri hendaklah memohon keizinan suami untuk keluar rumah termasuk untuk pergi menziarahi kedua ibupabanya. Ini kerana dalam hadis ‘Ā’ishah RA memohon izin Rasulullah SAW untuk pulang ke rumah ibubapanya ketika peristiwa hadis *al-Ifk* (fitnah terhadap ‘Ā’ishah RA), ‘Ā’ishah RA meriwayatkan bahawa dia bertanya kepada Rasulullah SAW:

أَتَأْذَنُ لِي أَنْ آتِيَ أَبَوِي؟ قَالَتْ: وَأَرِيدُ أَنْ أَسْتَقِيقَ الْخَبَرَ مِنْ قَبْلِهِمَا، قَالَتْ: فَأَذِنْ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>33</sup> Nafizah Nafizah Abd. Halim (ed.) (2017), *Kompilasi Keputusan Fatwa Dari Tahun 2015-2016*, Kangar: Jabatan Mufti Negeri Perlis, 29.

<sup>34</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Adhān, Bāb Khurūj al-Nisā’ ilā al-Masājid bi al-Layl wa al-Ghalas, no. Hadis 865. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhārī, (2001), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j.1, Muḥammad Zuhayr Ibn Nāṣir al-Nāṣir (ed.), Beirût: Dār Ṭūq al-Najāh, h. 172.

<sup>35</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2016), “Hukum Isteri Meninggalkan Rumah Suami Kerana Mudarat”, kertas kerja fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis, h. 1.

<sup>36</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī; Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī Ibn Ḥajar (1959), *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 2, Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī dan Muhib al-Dīn al-Khaṭīb (ed.), Beirût: Dār al-Ma‘rifah, h. 348.

Terjemahan: Adakah kamu mengizinkan aku bertemu ibubapaku? Kata ‘Ā’ishah RA: “Sebabnya aku ingin mendapatkan kepastian berita tersebut daripada kedua mereka”. Maka Rasulullah SAW mengizinkan daku.<sup>37</sup>

Maksudnya, jika suami tidak mengizinkan dan isteri tidak mempunyai alasan yang diiktiraf di sisi syarak, maka isteri tidak boleh keluar dari rumah suami.<sup>38</sup>

Adapun menziarahi ibubapa dengan kadar yang munasabah dari segi ‘urf (kebiasaan) atau ibu atau bapa isteri itu sakit serta memerlukan khidmatnya, maka dia boleh menziarahi kedua ibubapanya sekalipun tanpa keizinan suami. Namun, jika suami merasakan kepulangan isteri ke rumah ibubapanya boleh membawa mudarat yang lebih besar, dia boleh menghalangnya.<sup>39</sup>

Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berpendapat, tindakan isteri yang mlarikan diri dari rumah disebabkan bahaya ataupun kemudarat pada dirinya adalah lebih utama dari menziarahi ibubapanya. Hal ini kerana, jika seorang isteri dibenarkan keluar rumah disebabkan ib atau bapanya sakit dan memerlukannya, sudah pasti isteri dia boleh keluar rumah jika dia sendiri disakiti dan dalam bahaya.<sup>40</sup>

Hujjah yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis adalah Allah SWT mlarang seseorang mencampakkan diri dalam kebinasaan. Sebagaimana Firman Allah SWT:

﴿وَلَا فِرْqَوْنَ قَوْا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْكِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾

Al-Baqarah 2:195

Terjemahan: Jangan kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan.

Diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd al-Khudrī RA, Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Terjemahan: Tiada mudarat dan yang memudaratkan.<sup>41</sup>

Antara maksud hadis ini sebagaimana yang dijelaskan oleh para ulama adalah seseorang tidak boleh memudaratkan diri sendiri ataupun memudaratkan orang lain.<sup>42</sup>

<sup>37</sup> Hadis riwayat al-Bukhāri, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ḥadīth, no. Hadis 4141. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘il al-Bukhāri (2001), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 5, Muḥammad Zuhayr Ibn Nāṣir al-Nāṣir (ed.), Beirūt: Dār Ṭūq al-Najāh), h. 116.

<sup>38</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2016), *op.cit.*, h. 2.

<sup>39</sup> *Ibid.*,

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>41</sup> Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Man Banā fī Ḥaqqih Mā Yaḍur bi Jārih, no. Hadis 2340. Lihat Ibn Mājah; Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (2009), *Sunan Ibn Mājah*, j. 3, Shu‘ayb al-Arnā’ūt et. al (ed.), Beirūt: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah, h. 430. Dinilai ṣaḥīḥ li ghayrih oleh Shu‘ayb al-Arnā’ūt.

<sup>42</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2016), *op.cit.*, h. 4.

Justeru, isteri boleh meninggalkan rumah suami apabila merasa terancam ataupun dalam keadaan bahaya. Termasuklah jika suaminya mempunyai penyakit yang merbahaya seperti aids dan penyakit kelamin yang lain atau suami terlibat dengan akitiviti yang merbahaya seperti dadah, jenayah dan seumpamanya.<sup>43</sup>

Tuntasnya, berdasarkan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berkaitan hukum isteri meninggalkan rumah suami disebabkan ancaman ini, jelas menunjukkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengaplikasikan *maqāṣid al-shari‘ah* dalam membuat tafsiran terhadap teks-teks hadis berkaitan permasalahan tersebut.

Secara zahirnya, hadis-hadis Rasulullah SAW melarang untuk seorang isteri meninggalkan rumah suaminya tanpa keizinan suami. Akan tetapi, fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis memberikan si isteri untuk meninggalkan rumah suaminya jika dia yakin kemudaratannya akan menimpa agama, diri, kehormatan, keluarga dan hartanya. Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis ini adalah untuk memelihara kemaslahatan agama, diri, kehormatan dan harta isteri tersebut.

Fatwa di atas adalah salah satu contoh daripada kaedah memahami hadis yang diaplikasikan oleh Jawatankuasa Negeri Perlis dalam memutuskan fatwa iaitu berdasarkan ilmu *maqāṣid al-shari‘ah*. Di samping ilmu *maqāṣid al-shari‘ah*, terdapat pelbagai lagi kaedah dalam memahami hadis yang turut diambil kira oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam memutuskan fatwa-fatwa mereka.

## 5. KESIMPULAN

Hadis sememangnya mempunyai kedudukan yang penting sebagai sumber rujukan dan ambilan hukum bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis meletakkannya sebaris dengan al-Quran sebagai dasar rujukan dalam berfatwa. Walaubagaimanapun, ia tidak bermakna Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mengabaikan pandangan yang dikemukakan oleh imam-imam mazhab. Akan tetapi akan tetapi sedia menerima dan beramal dengan pandangan mazhab yang jelas dan nyata pendapat mereka itu daripada al-Quran atau Sunnah Rasulullah SAW atau jamaah sahabat Rasulullah SAW.

Pandangan-pandangan mazhab-mazhab yang muktabar sememangnya diteliti dan dijadikan panduan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. Malah, dalam beberapa permasalahan, mereka turut mengambil pendapat daripada mazhab yang muktabar dengan syarat mumpuni sandaran yang kuat daripada al-Quran, Sunnah dan Jemaah sahabat Rasulullah SAW.

Oleh itu, dapatlah difahami bahawa, bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dan MAIPs, keterikatan dengan sesuatu mazhab tidak menjadi asas kepada sesuatu fatwa. Namun, di dalam apa-apa masalah yang timbul, pendapat-pendapat daripada mazhab-mazhab yang muktabar akan

<sup>43</sup> *Ibid*, h. 5.

dijadikan panduan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dalam memberi pandangan atau mereka akan memilih salah satu pendapat daripada mazhab jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Hakikatnya, pendekatan sebenar yang diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis dan MAIPs bukanlah merujuk terus kepada al-Quran dan Sunnah seperti yang dilakukan oleh ulama *mujtahidīn* terdahulu. Akan tetapi, sebelum mengeluarkan fatwa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis akan meneliti pandangan-pandangan daripada ulama-ulama, kemudian mengambil dalil-dalil yang menjadi sandaran untuk menilai dalil-dalil tersebut dari aspek ketepatan, kekuatan dan kesahihannya.

## RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran
- [2] Al-Bukhārī; Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Muḥammad Zuhayr Ibn Nāṣir (ed.). Beirūt: Dār Tūq al-Najāh.
- [3] Ibn Mājah; Abū ‘Abd ‘Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī (2009). *Sunan Ibn Mājah*. Shu‘ayb al-Arnā’ūt et. al. (ed.). Beirūt: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah.
- [4] Al-Nawāwī; Yahyā Ibn Sharf (1985). *al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma‘rifah Sunan al-Bashīr al-Nadhīr fī Uṣūl al-Hadīth*. Muḥammad ‘Uthmān al-Khasht (ed.). Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- [5] Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī; Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī (1959). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī dan Muhib al-Dīn al-Khaṭīb (ed.). Beirūt: Dār al-Ma‘rifah.
- [6] Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī; Aḥmad Ibn ‘Alī (1997). *Nukhbah al-Fikar fī Muṣṭalah Ahl al-Athār*. ‘Isām al-Šabābiṭī dan ‘Ammād al-Sayyid (ed.). al-Qāherah: Dār al-Hadīth.
- [7] Al-Suyūtī; ‘Abd al-Rahmān Ibn Abū Bakr (t.t). *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*. Abū Qutaybah Naṣr Muḥammad al-Fāriyābī (ed.). al-Riyāḍ: Dār al-Ṭaybah.
- [8] Ibn al-Šolāh; Uthmān Ibn ‘Abd al-Rahmān (2002). *Ma‘rifah Anwār ‘Ulūm al-Hadīth*. ‘Abd al-Laṭīf al-Hamīm dan Māhir Yāsīn al-Faḥl (ed.). Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- [9] Muḥammad Jamāl al-Dīn Ibn Muḥmmad Sa‘īd al-Qāsimī (t.t) *Qawā‘id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Hadīth*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1:61.
- [10] Abdul Hamid Yunus (1999). “Pelaksanaan Ijtihad di Malaysia”. *Jurnal Penyelidikan Islam* 12.

- [11] Abdul Monir Yaacob (2000) *Maqāṣid al-Sharī‘ah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia dalam Menentukan Hukum*. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed). *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.
- [12] Ghazali Abdul Rahman (24 Oktober 2012). *Proses Penyediaan Fatwa di Malaysia: Peraturan dan Amalan*. makalah, *Muzakarah Pakar: Garis Panduan dan Piawaian Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan*, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD). Universiti Sains Islam Malaysia.
- [13] Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2016). *Hukum Isteri Meninggalkan Rumah Suami Kerana Mudarat*. Kertas kerja fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis.
- [14] Mahmūd Ibn Ahmad Ibn Mahmūd Tohan (2004). *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Hadīth*. al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- [15] Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (t.t). Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah Waljama‘ah. *fatwa*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Kangar.
- [16] Mohd Akram Dahaman @ Dahlan (2005). *Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*. Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pegajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [17] Mohd Akram Dahaman dan Solahuddin Abdul Hamid (2014). *Praktis Metodologi Penetapan Fatwa oleh Jawatankuasa Syar‘iyyah Negeri Perlis (JSNP): Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*. Prosiding, International Conference of the Social Sciences Research, Kota Kinabalu, Sabah.
- [18] Mohd Akram Dahaman@Dahlan (2014). Solahuddin Abdul Hamid dan Noor Naemah Abdul Rahman. *Sejarah Penginstitusian Fatwa di Negeri Perlis: Pentadbiran dan Metodologi Penetapan*. Prosiding, 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014), Alor Setar, Kedah.
- [19] Nafizah Nafizah Abd. Halim (ed.) (2017). *Kompilasi Keputusan Fatwa Dari Tahun 2015-2016*. Kangar: Jabatan Mufti Negeri Perlis.
- [20] Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Bil. 4/2006).
- [21] Johari Mat (7 Oktober 2018) dalam temu bual dengan penulis.
- [22] Mohd Asri Bin Zainul Abidin (2018). Ucapan Penutup Penerangan Fatwa Negeri Perlis. laman sesawang *Youtube PROmediaTAJDID*, dicapai 6 November 2018, [https://www.youtube.com/watch?v=APh5jSU\\_rO4&t=635s](https://www.youtube.com/watch?v=APh5jSU_rO4&t=635s)
- [23] Muhamad Rozaimi Ramle (2018). Penerangan Fatwa fatwa Perlis Berkaitan Akidah, Ibadah dan Kemasyarakatan. laman sesawang *Youtube Suara Sunnah*, dicapai 6 November 2018, <https://www.youtube.com/watch?v=uAN8w9rkHrg>